

MSM ramal 2016 lebih sukar

FAUZI JAAFAR DAN FADZIL ZAINOL | 08 Ogos 2016 12:08 AM

[Like 346](#) [Share 13](#) [Tweet 4](#) [Google + 0](#)



Mohamad Amri Sahari

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Pengeluar gula diproses terbesar tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), berdepan cabaran untuk mengulangi prestasi kewangan seperti yang dicatatkan pada tahun 2015, kesan peningkatan harga gula mentah dunia serta paras dolar Amerika Syarikat (AS) yang tinggi sepanjang tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Amri Sahari berkata, prestasi kewangan suku pertama 2016 berakhir 31 Mac lalu MSM hanya mencatatkan keuntungan sebanyak RM59.34 juta berbanding suku pertama 2015 sebanyak RM71.03 juta, namun melihat beberapa strategi bagi mengurangkan impak tersebut.

Jelasnya, syarikat mula mengamalkan perbelanjaan secara berhemat terutamanya bagi memenuhi jangkaan pemegang-pemegang saham syarikat itu yang meletakkan harapan MSM mampu mengulangi keuntungan bersih RM275 juta yang dicatatkan sepanjang 2015.

Tambah beliau lagi, penjimatan itu juga bakal membabitkan kos pembinaan kilang memproses gula ketiganya yang terletak di Tanjung Langsat, Johor yang dijangka beroperasi seawal hujung 2017, dengan nilai pelaburan AS\$259 juta (RM1.04 bilion).

"Keutamaan kini adalah untuk menstabilkan keadaan. Prestasi syarikat pada tahun lalu amat memberangsangkan dan kini harapan pemegang-pemegang saham agak tinggi. Oleh itu untuk mengetuai syarikat yang telah berprestasi baik tidak begitu mudah," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Mohamad Amri dilantik menjadi CEO MSM bermula bulan lalu menggantikan Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod yang meninggal dunia pada April.

MSM ialah subsidiari kepada Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) dan merupakan pengeluar gula diproses terbesar menerusi dua kilang memproses gula terletak di Chuping, Perlis dan Prai, Pulau Pinang.

Jelas Mohamad Amri, walaupun MSM dijangka merekodkan jumlah jualan gula yang lebih tinggi tahun ini, namun ia tidak memberi kesan besar kepada prestasi kewangan syarikat kerana terpaksa menanggung kos mengimport gula mentah yang lebih mahal berbanding 2015.

Katanya secara purata ringgit tahun ini didagangkan sekitar RM4.10 berbanding dolar, berbeza dari tahun 2015 iaitu sekitar RM3.60 hingga RM3.80. Pada masa sama katanya, harga gula mentah dunia juga telah mengalami peningkatan sehingga 30 peratus antara 2015 dan 2016.

"Terus terang saya cakap, agak sukar untuk mencapai prestasi kewangan seperti mana tahun 2015. Tambahan pula harga gula dikawal oleh kerajaan. Bagaimanapun keadaan masih terkawal dan syarikat masih mampu mencatatkan keuntungan, cuma mungkin marginnya mengecil," katanya.